

U B905 AAB  
UMNO - TUNKU

KUALA LUMPUR, 17 NOV (BERNAMA) -- BEKAS PERDANA MENTERI, TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ HARI INI BERKATA, USAHANYA UNTUK MEMBANTU MEMULIHKAN PERPADUAN DI KALANGAN ORANG MELAYU IALAH BAGI MEWUJUDKAN SUASANA PADU RAKYAT DAN NEGARA INI.

+KITA MEMENTINGKAN PERPADUAN ORANG MELAYU MELEBIHI SEGALANYA DAN BUKAN UNTUK KEPENTINGAN PERIBADI SEMATA-MATA,+ KATANYA KEPADA PEMBERITA SELEPAS UCAPAN DASAR PRESIDEN DALAM PERHIMPUNAN AGUNG UMNO DI PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA (PWTC) DI SINI.

BELIAU BERKATA, PERTELENGKAHAN DALAM PUAH-PUAH UMNO BOLEH DISELESAIKAN ASALKAN SEMUA PIHAK IKHLAS KE ARAH ITU SAMBIL MENAMBAH KATA, PENGANJUR UMNO DAN SEMANGAT 46 PERLU MENGADAKAN RUNDINGAN UNTUK Mencari JALAN MENYELESAIKAN PERBALAHAN ITU.

MEREKA BOLEH MENGADAKAN RUNDINGAN UNTUK Mencari JALAN PENYELESAIAN DAN MEWUJUDKAN BALIK PERPADUAN ORANG MELAYU DI NEGARA INI, TEGASNYA. -- LAGI

1434MST 17 11 89

U B906 AAB  
UMNO - TUNKU 2 KUALA LUMPUR

+DINDING KITA (UMNO) HANYA SATU SAHAJA DAN KITA PAKAT JAGA DIA BAIK-BAIK AGAR TIDAK ROSAK,+ TEGAS BELIAU.

MENURUTNYA, +JIKA KITA MEMENTINGKAN DIRI SENDIRI, IA TIDAK AKAN MENDATANGKAN FAEDAH KERANA KITA BUKAN BOLEH HIDUP SELAMA-LAMANYA, MALAH MUNGKIN MATI ESOK ATAU LUSA.

+KITA BOLEH BUAT USAHA ITU DENGAN BAIK DAN SAYA YAKIN SEGALA PERSELISIHAN FAHAM ITU BOLEH DISELESAIKAN,+ KATANYA.

KETIKA DITANYA BILAKAH PRESIDEN SEMANGAT 46, TENGGU RAZALEIGH HAMZAH AKAN BERTEMU DENGAN DATUK SERI DR MAHATHIR, BELIAU BERKATA, IANYA TERPULANG KEPADA PRESIDEN UMNO KERANA JIKA DIJEMPUT, PEMIMPIN SEMANGAT 46 ITU AKAN DATANG.

MENGENAI PERANANNYA DALAM USAHA ITU, TUNKU BERKATA, BELIAU TELAH MENYERAHKANNYA KEPADA MEREKA (DR MAHATHIR DAN TENGGU RAZALEIGH).

BELIAU TIDAK DAPAT HADIR (DALAM PERTEMUAN ITU) KERANA AKAN KE TANAH SUCI, JELASNYA. -- LAGI

1436MST 17 11 89

U B907 AAB  
UMNO - TUNKU 3 KUALA LUMPUR

NAMUN BEGITU, BELIAU BERHARAP USAHA ITU AKAN BERJAYA SAMBIL MENAMBAH KATA: +CARI JALAN TAKAT MANA USAHA ITU BOLEH DICAPAI DAN CUBA SEDAYA UPAYA AGAR IANYA TERCAPAI.+

KETIKA DITANYA MENGENAI LAPORAN BEBERAPA AKHBAR HARI INI YANG MEMETIK BELIAU SEBAGAI BERKATA BAHAWA PERTEMUANNYA DENGAN DATUK SERI DR MAHATHIR SEMATA-MATA HELAHNYA UNTUK MENDAPATKAN PUBLISITI BAGI SEMANGAT 46 YANG JARANG MENDAPAT PERHATIAN AKHBAR, TUNKU BERKATA, +SEKARANG INI ADA USAHA UNTUK MENGGAGALKAN USAHA ITU (PERTEMUAN ITU).

KATANYA, +SAYA BELUM LAGI BACA SURAT KHBAR HARI INI TETAPI ADA AKHBAR YANG TULIS MACAM-MACAM DAN TIDAK MAHU KITA BERSATU PADU.+

BEKAS PERDANA MENTERI ITU JUGA MELAHIRKAN RASA TERHARU DENGAN UCAPAN DASAR DATUK SERI DR MAHATHIR YANG MENYEBUT BELIAU SEBAGAI BAPA KEMERDEKAAAN DAN BAPA MALAYSIA.

BELIAU JUGA GEMBIRA KERANA NEGARA INI KINI BOLEH BERBANGGA KERANA SETANDING DENGAN NEGARA-NEGARA LAIN.

+DULU KITA JADI HAMBА KINI TUAN RUMAH DALAM BEBERAPA BIDANG,+ KATANYA.

-- BERNAMA

1438MST 17 11 89